



15  
JANUARI  
2018

## 500 SERTAI LAKSAMANA PURPLE RIDE 2017



Zulkurnain Kamisan (paling hadapan) membuat kayuhan pertama sambil diikuti oleh peserta lain pada acara amal Laksamana Purple Ride di Dataran Bandaraya Johor Bahru pada 23 Disember 2017.

TEKS OLEH AFANDY YUSOF  
FOTO OLEH AIDIL HUSSAIN

**JOHOR BAHRU** - Kira-kira 500 peserta menyertai program amal berbasikal, Laksamana Purple Ride 2017 anjuran Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) di Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 23 Disember lalu.

Menurut Pengarah Eksekutif YKTLJ, Kolonel Datu Mohamad Perang Musa, program berbasikal yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Persatuan Berbasikal Negeri Johor itu bertujuan untuk mengutip dana bagi membantu pesakit kanser di negeri ini.

Jelasnya, YKTLJ sentiasa melaksanakan berbagai program amal bagi mengumpul dana untuk membantu pesakit kanser dan program tersebut adalah salah satu daripadanya dengan melibatkan setiap lapisan masyarakat rakyat Johor.

"Selain itu, program sebegini dapat meneruskan kesinambungan semangat Almarhum Tunku Laksamana sewaktu hayatnya dalam menjalankan usaha murni ini," ujar beliau.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Warisan Negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan; Datuk Bandar Johor Bahru, Amran A. Rahman; Ketua Pegawai Ekse-

kutif Majlis Agama Islam Johor, Abdul Alim Abd. Shukur; Ketua Pegawai Eksekutif YKTLJ, Mohd Anizam Jamin dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid.

Acara amal tersebut turut mendapat sumbangan sebanyak RM200,000 daripada Bank Muamalat Malaysia untuk disalurkan kepada Tabung YKTLJ manakala syarikat pengeluar minuman bertenaga, Redbull Malaysia menyumbangkan 1,000 tin minuman percuma kepada peserta.

Program amal itu menyaksikan beberapa kategori diadakan termasuk acara terbuka iaitu 9KM Urban City Ride dan 40KM Power Fun Ride manakala acara 70KM Half Century Ride dibahagikan kepada tiga kategori iaitu wanita terbuka, lelaki terbuka dan lelaki junior.

Para peserta dan orang ramai juga berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan dan pengesanan awal kanser secara di kaunter Jabatan Kesihatan Daerah Johor Bahru yang sediakan oleh pihak penganjur.

Selain itu, pesakit kanser yang menjadi sukarelawan YKTLJ turut membuka peluang kepada orang ramai untuk mengambil bahagian menjadi sukarelawan YKTLJ bagi program amal yang akan datang.



Para sukarelawan YKTLJ sedang memberi penerangan dan menerima pendaftaran sukarelawan baharu untuk menyertai yaysan itu pada acara amal Program Laksamana Purple Ride 2017.

### Sokongan Tidak Berbelah Bahagi Terhadap YKTLJ



"Program amal ini bukan sahaja dapat mendidik masyarakat untuk minat berukeran dan menjaga kesihatan tetapi juga meneruskan semangat Almarhum Tunku Laksamana Johor bagi membantu pesakit kanser dalam negeri ini."

- Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Warisan Negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan.



"Sebagai Datuk Bandar Johor Bahru, MBJB akan sentiasa membantu YKTLJ dalam usaha mengumpul dana atas usaha murni Almarhum Tunku Laksamana."

- Datuk Bandar Johor Bahru, Amran A. Rahman.



"Dengan melaksanakan program amal seperti ini, saya amat yakin usaha YKTLJ akan mendapat sokongan yang jitu dari rakyat negeri ini pada masa-masa akan datang dan hebahkan awal serta menyeluruh akan lebih memberikan impak yang lebih besar terhadap program tersebut."

- Ketua Pegawai Eksekutif MAJ, Abdul Alim Abd. Shukur.



Tetamu terhormat dan para peserta memanaskan badan sebelum berlepas pada acara amal Laksamana Purple Ride 2017.